

MINIT MESYUARAT
JAWATANKUASA PENGURUSAN KUALITI JABATAN LAUT
BIL. 1/2006

Tarikh : 1 Mac 2006
Masa : 8.30 pagi
Tempat : Bilik Mesyuarat Utama,
Ibu Pejabat Laut.

Senarai Kehadiran:

- | | | |
|-----|--|---|
| 1. | Y.M Raja Datuk Malik Saripulazan
bin Raja Kamaruzaman | Ketua Pengarah Laut
(Pengerusi) |
| 2. | Kapt. Ahmad bin Othman | Timbalan Ketua Pengarah Laut
(Wakil Pengurusan Kualiti) |
| 3. | En. Baharin bin Dato' Abdul Hamid | Peng. Bah. Khidmat
Pengurusan |
| 4. | Hj. Ahmad Khairuddin bin Ismail | Peng. Bah. Kawalan
Industri |
| 5. | En. Noor Ariff bin Yusoff | Peng. Bah. Hal Ehwal
Pelaut Dan Pelabuhan |
| 6. | En. Roslee bin Mat Yusof | Peng. Laut Wilayah Utara |
| 7. | Hj. Abdul Aziz bin Muhamud | Peng. Laut WP Labuan |
| 8. | Kapt. Jailani bin Jalal | Peng. Laut Wilayah Tengah |
| 9. | En. Hazman bin Hussein | Peng. Laut Wil. Selatan |
| 10. | En. Rossid bin Musa | Peng. Laut Wil. Timur |
| 11. | Lt. Wan Zainoldin bin Wan Musa | Wakil Peng. Laut Sarawak |
| 12. | En. Ir. Awang Ismail b. Hj. Mohd. Tahir | Wakil Peng. Laut Sabah |
| 13. | En. Abdul Nasar bin Abdul Hadi | Bahagian Keselamatan Pelayaran |
| 14. | En. Yusnan Abdul Rani | (Urusetia) |

1. Perutusan Pengerusi.

1.1 YM Datuk Pengerusi memulakan mesyuarat dengan memberi salam dan mengalu-alukan kehadiran pengarah-pengarah bahagian dan wilayah serta wakil ke mesyuarat ini.

2. Pengesahan Agenda Mesyuarat.

Jawatankuasa mengambil maklum berkenaan dengan agenda mesyuarat dan dokumen mesyuarat yang telah diedarkan. Seterusnya, mesyuarat bersetuju untuk menerima agenda mesyuarat yang dicadangkan.

3. Pengesahan Minit Mesyuarat Bil. 1/2005.

Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kualiti Jabatan Laut Bil. 1/2005 yang telah diadakan pada 6 Jun 2005 disahkan tanpa pindaan.

4. Perkara-perkara Berbangkit.

4.1 Maklumbalas Pelanggan.

4.1.1 Borang elektronik untuk maklumbalas pelanggan telah dipinda dan dilaksanakan.

Tindakan : Makluman.

4.1.2 Pengarah Laut Wilayah Utara memaklumkan bahawa pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia akan mengadakan mesyuarat pada 1.3.2006 bagi memutuskan jajaran lebuhraya P. Pinang. Tindakan pemasangan papan tanda ke Jeti Batu Uban akan diambil berdasarkan kepada keputusan mesyuarat tersebut.

Tindakan: Peng. Laut Wil. Utara.

4.1.3 Tuan Pengerusi mencadangkan supaya Borang Maklumbalas Pelanggan dipermudahkan dengan hanya dua pilihan untuk diisi oleh pelanggan iaitu 'Puas Hati' dan 'Tidak Puas Hati'. Ini adalah untuk lebih memudahkan pelanggan. Laporan Maklumbalas Pelanggan juga diminta supaya dimasukkan ke dalam Laporan Karenah Birokrasi.

Tindakan: Pengarah BKP.

4.2 Keperluan Kakitangan di Bahagian Hal Ehwal Pelaut dan Pelabuhan.

Mesyuarat telah dimaklumkan bahawa pengambilan pekerja secara kontrak telah tamat pada 31.1.2006. Sebutharga yang baru telahpun dikeluarkan menggunakan peruntukan KWPPL dan telah menawarkan kepada 40 buah syarikat tetapi tiada syarikat yang memberikan maklumbalas sehingga tamat tempoh tawaran. Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan memaklumkan perkara tersebut akan dapat diselesaikan pada bulan April 2006.

Tindakan: Pengarah BKP.

4.3 Laporan Audit Kualiti Dalaman.

4.3.1 Wakil Pengurusan Kualiti memaklumkan bahawa Audit Kualiti Dalaman pada tahun ini dan seterusnya akan merangkumi semua pejabat yang telah mendapat persijilan ISO 9001. Ini adalah lanjutan daripada teguran oleh LRQA pada audit yang lepas (29.12.2005) dimana Audit Kualiti Dalaman yang dilaksanakan sebelum ini tidak merangkumi semua pejabat yang telah mendapat sijil ISO 9001.

Tindakan : Makluman.

4.3.2 Wakil Pengurusan Kualiti juga memohon kerjasama dari semua pengarah bahagian dan wilayah supaya mengedarkan minit mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kualiti kepada semua pegawai yang berkenaan dan pejabat pelabuhan masing-masing yang telah mendapat persijilan ISO 9001.

Tindakan: Semua Pengarah Bahagian dan Wilayah.

5. Laporan Audit Kualiti Dalaman.

Mesyuarat dimaklumkan bahawa Audit Kualiti Dalaman akan dijalankan di semua pejabat pelabuhan yang telah mendapat persijilan ISO 9001. Auditan telahpun dijalankan pada bulan Februari 2006 dan peringkat kedua akan dijalankan pada Mac 2006 dan seterusnya dijadualkan pada Ogos 2006 seperti di dalam jadual yang dilampirkan di dalam dokumen mesyuarat.

Tindakan: Makluman.

6. Laporan Audit Kualiti Luaran

6.1 Wakil Pengurusan Kualiti memaklumkan bahawa audit kualiti luaran telah dilaksanakan oleh LRQA di pejabat Pelabuhan Sarikei, Sibu dan Muara Tebas, Sarawak dan Ibu Pejabat Laut pada 27 hingga 29 Disember 2005. Mesyuarat dimaklumkan bahawa terdapat 1 ketakakuran minor (minor NC) dan 7 pemerhatian.

6.2 0512CKF01 - Audit Kualiti Dalaman di Pejabat Pelabuhan Sarikei hanya merangkumi Persijilan Pelaut. Elemen ISO yang lain seperti tanggungjawab, pengurusan dan lain-lain tidak diaudit.

6.3 0512CKF02 - Minit mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kualiti tidak diedarkan ke Pejabat Pelabuhan Sarikei.

6.4 0512CKF03 - Pejabat Pelabuhan Sibu tidak merekodkan data pengeluaran Sijil Kursus Modular < 7 hari bekerja seperti yang dinyatakan di dalam Manual Kualiti (perenggan 2.1.1). Hanya direkodkan jumlah pengeluaran bulanan sijil tersebut sahaja.

6.5 0512CKF04 - Tiada data dari Jabatan Laut Wilayah Tengah dan Wilayah Utara untuk laporan pencapaian objektif kualiti bagi Sistem Pendaftaran Kapal.

6.6 0512CKF05 - Carta Organisasi di dalam Manual Kualiti tidak dikemaskini.

6.7 0512CKF06 - Audit Kualiti Dalaman tidak dilaksanakan mengikut keperluan di dalam Manual Kualiti iaitu setahun sekali (perenggan 7 Manual Kualiti dan PK-WPK-01) bagi setiap pejabat pelabuhan yang telah mendapat persijilan ISO 9001. Pengauditan juga hanya merangkumi proses kerja utama sahaja dan tidak merangkumi elemen sistem kualiti seperti tanggungjawab, pengurusan dan lain-lain.

6.8 0512CKF07 - Tiada data maklumbalas pelanggan bagi kursus modular dan *on line port clearance*.

6.9 0512CKF08 - Jadual perancangan kerja bagi penyelenggaraan komputer di Ibu Pejabat Laut dan wilayah ada dinyatakan tetapi tidak memasukkan Jabatan Laut Wilayah Utara.

Tindakan: Semua Pengarah Bahagian dan Wilayah.

6.10 Mesyuarat dimaklumkan bahawa Audit Kualiti Luaran seterusnya akan diadakan pada bulan April di Labuan, (Persijilan Pelaut dan Pendaftaran Kapal), Melaka (Persijilan Pelaut) dan Ibu Pejabat Laut (Ukur Hidrografi, Pengeluaran DOC dan *Infrastructure & Work Environment*).

Tindakan: Makluman.

7. Laporan Pencapaian Objektif Kualiti.

7.1 Laporan objektif kualiti bagi setiap sistem dibentangkan kepada ahli mesyuarat dan secara keseluruhannya objektif kualiti yang telah ditetapkan adalah tercapai. Walaubagaimanapun adalah diharapkan supaya pencapaian tersebut dipertingkatkan lagi.

Tindakan: Makluman.

8. Hal-hal Lain

8.1 Pengarah Bahagian HEPP memaklumkan bahawa masalah kelewatan penghantaran dokumen dari pejabat laut wilayah ke IPL akan dapat diselesaikan dengan adanya sistem baru iaitu Sisten Dokumen Pelaut (SDP). Pada masa ini ada sedikit masalah berkaitan dengan perkakasan dan sedang diambil tindakan oleh Unit Teknologi Maklumat.

Tindakan: Pengarah HEPP/BKP.

8.2 Tuan Pengerusi meminta supaya Jabatan Laut Wilayah yang telah mempunyai *buoy tender vessel* supaya membuat pemeriksaan ke atas alat bantuan pelayaran di wilayah masing-masing setiap bulan.

Tindakan: Semua Pengarah Wilayah.

9. PENUTUP

Pengerusi mengucapkan terima kasih dan menangguhkan mesyuarat pada jam 10.30 pagi.